

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(I)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

19. Apakah status tanah bangunan Gimnasium Rakyat yang terletak di Jalan Pantai, Butterworth?
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri mengambil alihnya, untuk kegunaan lebih banyak orang awam, kerana kini kegunaannya terhad kepada sebilangan yang kecil sahaja?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Gimnasium Rakyat yang beralamat di No.104, Jalan Pantai, Butterworth merupakan sebahagian Lot 1699, Seksyen 4, Seberang Perai Utara dan merupakan tanah kegunaan Kerajaan Persekutuan di bawah perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan. Gimnasium tersebut terletak di bangunan kuarters lama dan kini diuruskan oleh Kelab Gimnasium Rakyat Seberang Perai Utara. Peralatan di dalam gimnasium tersebut sebahagiannya adalah diserahkan oleh Jabatan Belia dan Sukan melalui pelupusan aset dan sebahagian lagi dibeli oleh pihak kelab. Gimnasium tersebut mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat pelbagai bangsa di situ kerana caj yang ditawarkan iaitu RM3 *per entry* seorang adalah lebih murah berbanding dengan gimnasium swasta yang lain. Kewujudan Gimnasium Rakyat tersebut secara tidak langsung menghidupkan suasana kuarters dan mengelakkan kuarters tersebut daripada terus usang.
- (a) Berdasarkan kepada Fasal (7) Perkara 83, Perlembagaan Persekutuan, tanah bermilik untuk maksud persekutuan tidak boleh diambil tanpa dipersetujui oleh persekutuan.

Memandangkan tanah tersebut merupakan tanah milik persekutuan, permohonan bagi pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri perlu dibuat kepada kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).